

Faktor Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lepasan Diploma Dan Matrikulasi

Mahyuddin Bin Arsat & Ahmad Farid Bin Mohd Ali

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Tahap pencapaian akademik setiap manusia berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhinya. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, Jabatan Teknik Dan Kejuruteraan lepasan diploma dan matrikulasi di Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru. Kajian ini tertumpu kepada empat persoalan kajian iaitu persediaan pelajar dari segi usia, persediaan pelajar dari segi motivasi, peranan sosial dan latar belakang pendidikan. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Nilai pekali kebolehkepercayaan kajian ini adalah $\alpha = 0.827$. Data di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Science Social (SPSS) Versi 12.0*. Hasil keseluruhan kajian menunjukkan faktor persediaan pelajar dari segi usia, persediaan pelajar dari segi motivasi, peranan sosial berada pada tahap tinggi. Hanya faktor latar belakang pendidikan sahaja berada di tahap yang sederhana bagi pelajar lepasan diploma. Bagi pelajar lepasan matrikulasi pula, faktor persediaan pelajar dari segi usia dan peranan sosial berada pada tahap tinggi. Manakala faktor persediaan pelajar dari segi motivasi dan faktor latar belakang pendidikan sahaja berada di tahap yang sederhana. Melalui kajian ini, tindakan boleh diambil untuk memperbaiki tahap pencapaian akademik pelajar diantaranya mewujudkan komunikasi dua hala antara guru dan murid dengan mengambil bahagian secara aktif didalam aktiviti kelas seperti memberi pendapat dan idea.

Katakunci : faktor, pencapaian akademik, lepasan diploma, lepasan matrikulasi

Pengenalan

Kemajuan sesebuah negara bukan sahaja di dorong oleh masyarakat yang berilmu dan berpendidikan tetapi merangkumi keseluruhan pembangunan diri setiap individu. Manusia yang berjaya adalah manusia yang berilmu, berakhlaak mulia dan berketerampilan hasil kecerdikan akalnya, kesedaran dalam dan kesejahteraan jasmaninya. Para pelajar dituntut melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran dalam usaha mewujudkan generasi bestari dan berdaya saing. Dalam zaman ledakan maklumat ini, pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam menguasai ilmu amat diperlukan (Hishammudin Hussein, 2005).

Pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan selalunya dikatakan pelajar yang pintar cerdas atau berbakat dan mempunyai kebolehan yang lebih tinggi berbanding rakan seusia mereka. Walaupun begitu, tiada satupun himpunan sifat yang tetap bagi pelajar yang pintar cerdas ini, tetapi setiap orang pelajar adalah insan ciptaan tuhan yang memiliki kekuatan dan kelemahan diri yang tertentu. Kebolehan kognitif pelajar yang cemerlang ini selalunya di miliki secara bersendirian, tetapi mereka tetap memerlukan bimbingan orang yang lebih dewasa seperti ibubapa, guru, pentadbir sekolah dan rakan seperjuangan untuk mengembangkan potensi mereka ke tahap yang optimum (Nik Aziz, 1990).

Abdul Rahman an-Nahlawi (1995) pula menyatakan iklim sekolah yang berkesan mampu mewujudkan integrasi dan keharmonian sesama pelajarnya yang berbeza status sosio-ekonomi mereka (SES). Selain itu, sekolah juga mampu mengurangkan perbezaan-perbezaan sesama mereka. Pihak sekolah juga boleh mewujudkan kerjasama dengan keluarga pelajar. Hubungan

yang mesra di antara sekolah dan keluarga akan membentuk pendidikan yang lebih sempurna bagi pelajar-pelajarnya.

Pernyataan Masalah

Bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan, usaha ke arah meningkatkan pencapaian akademik perlu digiatkan lagi oleh para pelajar khususnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Pembangunan pendidikan mestilah secara menyeluruh yang berasaskan sekolah (*school based improvement*). Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan kecemerlangan akademik pelajar. Penyelidik telah memilih Universiti Teknologi Malaysia sebagai tempat kajian.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, Jabatan Teknik dan Kejuruteraan lepasan diploma dan matrikulasi di Universiti Teknologi Malaysia. Secara khususnya kajian bertujuan untuk :

- i. Mengenalpasti persediaan pelajar dari segi usia dalam proses pembelajaran mempengaruhi kecemerlangan akademik.
- ii. Mengenalpasti persediaan pelajar dari segi motivasi dalam proses pembelajaran mempengaruhi kecemerlangan akademik.
- iii. Mengenalpasti peranan sosial dalam membantu mempengaruhi kecemerlangan akademik.
- iv. Mengenalpasti latar belakang pendidikan dalam mempengaruhi kecemerlangan akademik.

Rasional Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk memberi gambaran dan maklumat yang jelas apakah faktor-faktor perbezaan pencapaian akademik pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, Jabatan Teknik dan Kejuruteraan lepasan diploma dan matrikulasi di Universiti Teknologi Malaysia Malaysia. Gambaran yang lebih jelas akan terjawab apabila bidang yang dikaji dibahagikan kepada bidang-bidang yang spesifik seperti persediaan pelajar dari segi usia, motivasi, sosial dan latar belakang pendidikan pelajar. Perkara ini perlu di titik beratkan oleh pihak pendidik, keluarga malah pelajar-pelajar itu sendiri dalam usaha mengekalkan kecemerlangan. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan seperti berikut :

- i. Membantu pelajar supaya berusaha dengan lebih gigih lagi dalam pelajaran bagi mencapai dan mengekalkan kecemerlangan akademik mereka.
- ii. Memberi panduan kepada pendidik untuk mempertingkatkan penyampaian mereka dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan bagi membantu pelajar lebih cemerlang dalam akademik mereka.
- iii. Membantu keluarga dalam mendorong anak-anak mereka lebih cemerlang dalam akademik.
- iv. Membantu pihak institusi pengajian seperti universiti memastikan setiap kemudahan dapat digunakan secara optimum dalam melahirkan pelajar yang cemerlang.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, Jabatan Teknik dan Kejuruteraan lepasan diploma dan matrikulasi di Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini adalah berbentuk deskritif dan menggunakan kaedah tinjauan kerana data hanya diambil dalam satu masa tertentu sahaja (Mohammad Najib, 1999). Tinjauan adalah cara yang spesifik kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah, menjimatkan masa dan perbelanjaan, bilangan responden yang ramai dapat diadakan dan sesuai untuk gambaran sebenar mengenai maklumat sampel kajian.

Kajian tinjauan ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerakbalas yang diberikan oleh sampel. Ini adalah disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh geraklaku penyelidik. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang diberikan (Mohd Majid Konting, 1993).

Populasi dan Sample Kajian

Populasi dalam kajian ini adalah terdiri daripada 100 pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, Jabatan Teknik dan Kejuruteraan lepasan diploma dan matrikulasi di Universiti Teknologi Malaysia. Mereka terdiri dari pelajar tahun empat Sarjana Muda Kursus Awam, Elektrik, Mekanikal dan juga Kemahiran Hidup.

Persempelan adalah merupakan pengambilan sebahagian daripada sesuatu populasi. Ia merupakan kaedah yang baik untuk mengurangkan kos dan menggambarkan seluruh populasi. Sebagaimana yang diketahui, sampel adalah sumber untuk mendapatkan data.

Jumlah persampelan yang digunakan ialah seramai 80 orang iaitu jumlah keseluruhan populasi iaitu (jumlah sebenar pelajar) orang yang terdiri dari pelajar tahun empat Sarjana Muda Kursus Awam, Elektrik, Mekanikal dan juga Kemahiran Hidup di Universiti Teknologi Malaysia

Setelah mendapat kebenaran pensyarah, penyelidik telah menyerahkan soal selidik kepada responden.

Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A berkaitan dengan latar belakang responden.

Bahagian B mengandungi item-item yang berkaitan dengan 4 aspek yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar iaitu persediaan pelajar dari segi usia, motivasi, sosial dan latar belakang pendidikan pelajar. Dalam bahagian B, setiap item soal selidik menggunakan Skala Likert lima peringkat yang berbeza bagi menunjukkan darjah persetujuan responden daripada ekstrem negatif ke ekstrem positif. Menurut Najib (1999), subjek atau responden dikehendaki menandakan jawapan tentang sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari ekstrem ke ekstrem yang lain. Responden dikehendaki memberikan jawapan samada setuju ataupun tidak setuju terhadap item-item yang dikemukakan.

Setiap jawapan dikodkan semula daripada lima pilihan kepada tiga pilihan sahaja. Jawapan bagi skor 1 dan 2 sebagai *tidak setuju*, jawapan bagi skor 3 sebagai *tidak pasti* dan jawapan bagi skor 4 dan 5 sebagai *setuju*. Ia bertujuan untuk memudahkan analisis data dilakukan. Jadual 1 menunjukkan Skala Likert lima peringkat mengikut ekstrem.

Jadual 1 : Skala Likert

Skala Likert	Singkatan	Skor	
Sangat Tidak Setuju	(STS)	1	Tidak Setuju
Tidak Setuju	(TS)	2	
Tidak Pasti	(TP)	3	Tidak Pasti
Setuju	(S)	4	
Sangat Setuju	(SS)	5	Setuju

Pada bahagian B, soal selidik mengandungi 25 item soalan dan soalan-soalan yang dibina sendiri dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu dan juga buku-buku rujukan yang berkaitan dengan aspek yang dikaji. Bagi memudahkan data dianalisis, bilangan item soalan yang dibina dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut aspek-aspek yang dikaji. Jadual 2 menunjukkan pembahagian item berdasarkan persoalan kajian yang telah dipilih.

Jadual 2 : Item Soal Selidik

Bil	Persoalan Kajian	No. Item	Bil. Item
1.	Sejauhmanakah persediaan pelajar dari segi usia dalam proses pembelajaran mempengaruhi kecemerlangan akademik?	1,2,3,4,5,6,7	7
2.	Sejauhmanakah persediaan pelajar dari segi motivasi dalam proses pembelajaran mempengaruhi kecemerlangan akademik?	8,9,10,11,12,13,14	7
3.	Sejauhmanakah peranan sosial dalam membantu mempengaruhi kecemerlangan akademik?	15,16,17,18,19,20	6
4.	Sejauhmanakah latar belakang pendidikan dalam mempengaruhi kecemerlangan akademik?	21,22,23,24,25	5
Jumlah			25

Kajian Rintis

Kajian rintis bertujuan menguji set soalan soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan ke atas responden dan juga untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Selain daripada itu, kajian rintis ini juga bertujuan untuk mengetahui kesesuaian item-item soal selidik yang digunakan. Dalam kajian Roslihah (2006), tujuan kajian rintis adalah untuk mengetahui tahap kefahaman soalan, mengetahui reaksi awal dan mengesan kesalahan-kesalahan yang dianggap ketara dalam soalan-soalan.

Dalam kajian ini penyelidik terlebih dahulu mendapatkan kesahan soalan soal selidik dengan memilih 10 responden secara rawak bagi mendapatkan kesahan soalan soal selidik.

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Sosial Sciences*) Version 12.0 for Windows. Menurut Mohamad Najib (1999), ujian *Alpha Cronbach* digunakan kerana ia merupakan salah satu ujian statistik bagi mendapatkan koefisien kebolehpercayaan. Nilai indeks kebolehpercayaan yang melebihi 0.7 (>0.7) bolehlah digunakan sebagai alat ukur untuk sesuatu kajian (Mohd Majid, 1990). Oleh yang demikian jika nilai alfa yang diperolehi dalam kajian ini adalah melebihi 0.7 (>0.7), item-item yang dibina dalam soal selidik ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Bagi soalan yang dibina pengkaji, nilai yang diperolehi adalah 0.827.

Analisis Data

Jadual 3 menunjukkan taburan min tahap faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar Fakulti Pendidikan, Jabatan Teknik dan Kejuruteraan lepasan diploma dan matrikulasi di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru

Rumusan daripada analisis keseluruhan menunjukkan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar Fakulti Pendidikan, Jabatan Teknik dan Kejuruteraan lepasan diploma dan matrikulasi di Universiti Teknologi Malaysia yang tertinggi bagi lepasan diploma ialah persediaan pelajar dari segi usia dengan purata keseluruhan 3.8393. Faktor ke dua ialah peranan sosial dengan purata keseluruhan 3.8292. Diikuti oleh faktor yang ke tiga iaitu persediaan pelajar dari segi motivasi dengan purata keseluruhan 3.8000 dan akhir sekali faktor latar belakang pendidikan dengan nilai purata keseluruhan 3.6550. Bagi lepasan matrikulasi pula, peranan sosial adalah faktor pertama dengan purata keseluruhan 3.8667. Faktor ke dua ialah persediaan pelajar dari segi usia dengan purata keseluruhan 3.8143. Faktor yang ke tiga ialah persediaan pelajar dari segi motivasi dengan purata keseluruhan 3.6571. Faktor ke empat ialah faktor latar belakang pendidikan dengan nilai purata keseluruhan 3.4200.

Jadual 3 : Taburan Min Keseluruhan Bagi Faktor Perbezaan Pencapaian Akademik Pelajar Lepasan Diploma Dan Matrikulasi

Bil	Faktor kecemerlangan	Purata keseluruhan	
1	Persediaan pelajar dari segi usia	D	3.8393
		M	3.8143
2	Persediaan pelajar dari segi motivasi	D	3.8000
		M	3.6571
3	Peranan sosial	D	3.8292
		M	3.8667
4	Latar belakang pendidikan	D	3.6550
		M	3.4200

Perbincangan

Ini menunjukkan para pelajar yang cemerlang dalam akademik mempunyai sikap bersedia dari segi usia serta mempunyai kecerdasan yang tinggi dalam memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran mereka. Kajian ini bertepatan dengan kajian (Allopprt, 1937) yang menyatakan kecerdasan merujuk kepada keupayaan individu mengatasi masalah dalam kehidupan seharian. Mengikut kamus Oxford, kecerdasan adalah kemampuan individu dalam persepsi, pembelajaran, pemahaman dan pengetahuan atau kemampuan mental. Mengikut Wechsler (1975), kecerdasan bermaksud keupayaan memahami dunia, berfikir secara rasional dan menggunakan sumber dengan berkesan apabila menghadapi cabaran.

Perbincangan merupakan salah satu aspek penting dalam proses pembelajaran. Ini adalah kerana dalam kumpulan perbincangan pelajar dapat bertukar pendapat serta idea. Perbincangan secara berkumpulan atau pergaulan yang melibatkan perbezaan usia di antara ahli kumpulan kadangkala boleh mengakibatkan masalah atau percanggahan pendapat. Rajah 5.2 di atas menunjukkan graf bagi membuktikan (87.5%) pelajar lepasan diploma bersetuju bahawa mereka tidak bermasalah dengan kurikulum pembelajaran di universiti. Berbanding hanya (82.5%) pelajar lepasan matrikulasi bersetuju bahawa mereka tidak bermasalah dengan kurikulum pembelajaran di universiti.

Perbezaan yang agak ketara ini mungkin disebabkan oleh tekanan emosi yang dialami oleh pelajar lepasan diploma yang mana usia mereka jauh lebih tua dan mungkin juga beranggapan mereka lebih berpengalaman dan tidak layak bergaul dengan rakan-rakan lepasan matrikulasi yang jauh lebih muda. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk bergaul mahupun bekerjasama.

Dapatan ini selari dengan kajian Goleman (1995), kecerdasan emosi adalah alat pergaulan yang lebih baik dalam meramalkan pencapaian akademik daripada kecerdasan intelek (IQ). Kanak-kanak yang memperolehi kemahiran kecerdasan emosi menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam bidang akademik berbanding dengan kanak-kanak yang lain (Ghosn, 2001). Pada masa kini, kanak-kanak didapati kurang berupaya untuk berunding, berempati dan bekerjasama. Mereka selalunya tidak mempunyai perasaan yang optimis tentang masa depan. Keadaan ini menyebabkan timbulnya kesan negatif terhadap pencapaian akademik dan perhubungan interpersonal mereka.

Menurut Elias (1991) pula menyatakan kecerdasan emosi dan kemahiran sosial perlu diajar di sekolah kerana ia akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar bukan saja pada tahun ia diajar malah pada tahun-tahun berikutnya. Oleh itu, kemahiran- kemahiran yang boleh mempertingkatkan kecerdasan emosi (EQ) sangat penting diajar kepada para pelajar kerana ia memberi kesan jangka panjang terhadap pencapaian mereka dalam pelbagai bidang.

Ini menunjukkan para pelajar yang cemerlang dalam akademik mempunyai sikap bersedia dari segi motivasi yang tinggi dalam memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran mereka. Pelajar mesti mempunyai sikap positif terhadap pelajaran mereka bagi memperolehi pencapaian cemerlang dalam akademik. Pelajar yang bermotivasi akan menaruh minat untuk belajar. Mereka akan mendengar dan memberikan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran, aktif di dalam dan di luar kelas, mudah bergerak dan sedia menerima arahan guru. Pelajar juga akan berdikari dan suka memberi pandangan dan pendapat dalam kelas, mempunyai penggerak dalam diri untuk mencapai kecemerlangan akademik dan juga dalam hidup keseluruhnya. Kajian ini selaras dengan kajian Abu Zahari (1987) yang menyatakan minat memainkan peranan yang penting dalam kejayaan sesuatu proses pembelajaran dan ia amat mempengaruhi pencapaian seseorang dalam pelajaran itu. Minat yang timbul dalam diri seseorang pelajar akan

mempengaruhi proses pembelajaran. Bila seseorang itu berminat, maka ia bersedia untuk belajar dengan tekun sehingga mencapai kejayaan. Ini bermakna proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih mudah jika seseorang itu berminat tetapi jika ianya berlaku disebaliknya maka proses tersebut akan menjadi lebih sukar untuk dilaksanakan.

Perhatian dan pemahaman juga merupakan salah satu aspek penting dalam proses pembelajaran. Ini adalah kerana perhatian yang diberikan oleh pelajar ketika guru sedang mengajar memudahkan interaksi dua hala antara guru dan pelajar sekaligus memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Rajah 5.4 di atas menunjukkan graf perbezaan dimana (95.0%) pelajar lepasan diploma bersetuju bahawa mereka mampu memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Berbanding hanya (77.5%) pelajar lepasan matrikulasi bersetuju bahawa mereka mampu memberikan sepenuh perhatian semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Dapatkan ini juga disokong (Crow dan Crow, 1980) dimana minat adalah daya penggerak yang mendorong kita supaya memberi perhatian kepada seseorang, benda dan kegiatan. Contohnya, jikalau seseorang itu berminat walaupun mempunyai kebolehan sederhana, mereka selalunya boleh mengembangkan minat yang kuat dan terus berusaha menguasainya dengan gigih sehingga membawa kepada pencapaian yang membanggakan.

Perbezaan ini juga mungkin terjadi disebabkan oleh strategi pembelajaran yang berbeza diantara mereka. Bagi pelajar lepasan diploma tentulah mempunyai pengalaman yang lebih dalam merangka strategi pembelajaran berbanding pelajar lepasan matrikulasi. Ini sedikit sebanyak memberi impak terhadap proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Penyataan ini disokong dengan kajian Mok Soon Sang (1991) yang menyatakan konsep pembelajaran berkumpulan berdasarkan kepada perubahan strategi pembelajaran yang berorientasikan guru kepada strategi berpusatkan pelajar. Perubahan ini adalah untuk membolehkan pelajar menjalankan aktiviti pembelajaran melalui cara kumpulan. Strategi berpusatkan pelajar dan pelajar memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran. Dalam strategi ini, pelajar digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran mereka. Di dalam proses pembelajaran, lebih banyak masa diperuntukkan kepada aktiviti pembelajaran yang dijalankan.

Dari pada analisis yang telah dijalankan, secara keseluruhannya peranan keluarga dalam membantu mempengaruhi kecemerlangan akademik berada pada tahap yang tinggi. Ibubapa yang mempunyai tanggungjawab tinggi untuk membantu kejayaan pembelajaran pelajar. Sikap ibubapa untuk memastikan kejayaan anak mereka dalam pelajaran adalah satu pekara yang perlu dititik beratkan. Ibubapa yang mementingkan kejayaan pembelajaran anak mereka akan selalu mengawasi dan melibatkan diri membantu pembelajaran anak mereka sepanjang masa.

Dengan inspirasi dan harapan tinggi ibubapa, anak-anak mereka dapat diasuh dengan sempurna. Mereka sentiasa dibekalkan dengan berbagai kemudahan seperti tempat belajar yang seronok, buku-buku rujukan, guru tuisyen dan sebagainya untuk membantu anak-anak mereka dalam pencapaian akademik yang tinggi (Mok Soon Sang, 2000).

Perbezaan yang ketara ini mungkin disebabkan oleh faktor latarbelakang keluarga yang berbeza dari segi hubungan kekeluargaan. Disamping itu, faktor usia bagi pelajar lepasan diploma yang mungkin membezakan penerimaan perkongsian masalah dalam pelajaran bersama keluarga. Bagi sesetengah golongan ini, ada yang telah berumahtangga dan ini menyukarkan lagi perkongsian masalah dalam pelajaran mereka. Dapatkan ini selaras dengan kajian (Ea Ah Meng, 2003) yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang berasal daripada keluarga yang bahagia dan dapat asuhan ibubapa yang sempurna akan mengalami kestabilan emosi. Pelajar-pelajar seperti ini akan dapat memberi tumpuan yang teliti terhadap pengajaran guru. Penumpuan seperti ini

akan membantu mereka membentuk konsep-konsep yang jelas dalam pelbagai mata pelajaran. Situasi seperti ini pasti akan membolehkan pelajar berkenaan memperoleh pencapaian akademik yang baik di dalam bilik darjah.

Perbezaan yang berlaku mungkin disebabkan oleh penerimaan pendidikan sebelum ini seperti pelajar lepasan diploma tentunya mendapat didikan yang lebih semasa dalam pengajian diploma berbanding pelajar lepasan matrikulasi. Mereka juga mungkin telah beberapa kali gagal dalam peperiksaan kemudian berusaha kembali sehingga berjaya menamatkan pengajian mereka. Selaras dengan kajian oleh Hassan (1996) terdapat sebahagian besar daripada kalangan pelajar yang gagal dalam peperiksaan atau mereka yang memperolehi keputusan yang tidak cemerlang, mempunyai kebolehan dan keupayaan yang lebih baik daripada apa yang dibayangkan oleh keputusan mereka perolehi. Khalid Mohamed Nor (1993) mengatakan bahawa pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah tetapi gagal diperingkat pengajian tinggi.

Perbezaan yang wujud ini mungkin disebabkan oleh faktor pelajar itu sendiri belajar dari pengalaman, didikan awal, serta gaya pembelajarannya. Perkara ini mungkin terjadi dimana pelajar lepasan diploma melangkah tahap demi tahap sebelum memasuki program ijazah sarjana muda di universiti berbanding pelajar lepasan matrikulasi. Dapatan ini disokong oleh kajian (Rashidi & Abdul Razak, 1995) dimana pelajar mula membentuk gaya pembelajaran pada peringkat awal kanak-kanak lagi. Selepas itu, ia akan terus menggunakan pembelajaran tersebut. Ada individu yang belajar melalui bacaan, ada pula melalui pemerhatian, perbincangan ataupun melalui perlakuan. Sesetengah individu belajar dengan lebih baik sekiranya berada dalam keadaan yang tertekan manakala setengah individu akan berputus asa dalam keadaan tersebut. Sebaliknya, ada pula yang belajar dengan berkesan dengan keadaan yang relak dan tenang. Seterusnya, ada pelajar yang gemar belajar dalam kumpulan manakala ada yang belajar lebih berkesan secara berseorangan.

Selain itu, faktor latar belakang pendidikan ibubapa samada berpendidikan tinggi atau sederhana mahupun rendah sedikit sebanyak mempengaruhi kecemerlangan akademik mereka. Penyataan ini disokong oleh kajian Azrul (2002), Ibubapa yang mempunyai latarbelakang pendidikan sederhana dan tinggi sering mendorong dan mengambil berat pendidikan anak-anak. Ibubapa perlu berinteraksi dengan anak-anak sehinggalah mereka mencapai kejayaan yang diinginkan. Pelajar juga bersetuju yang menyatakan bahawa ibubapa adalah menjadi contoh kepada mereka di dalam mencapai kejayaan. Ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelajar menyatakan galakan dan dorongan ibubapa penting untuk mencapai kecemerlangan.

Rujukan

- Astin (1985), *Bestari : Koleksi Guru Johor*. Jabatan Pendidikan Johor.
- Azrul Ahmad (2002). *Pemasalahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Dikalangan Pelajar-Pelajar Bumiputera Di Kawasan Luar Bandar*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Projek Sarjana Muda.
- Crow & Crow (1980). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dweck, C.S. (1996). Social Motivation : Goals and Social - Cognitive Processes. In duvemon, J., and Wantzal, K.R. (eds). *Social Motivation : Understanding Children's School Adjustment*. New York : Cambridge University Press.
- Ea Ah Meng (2003). *Ilmu Pendidikan : Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Elias, M.J., Gara, M., U briaco, Rothbaum, P.A., Clabby, J.F., and Schuyler, T. (1991). The Promotion Of Social Competance: Longitudinal Study of a Preventive School – Based Program. American Journal of Orthopsychiatry, 61 (3).
- Ghosn, I.K (2001). Nurturing Emotional Intelligence Through Literature. FORUM, Vol. 39, No 1, hlm 10.
- Gusentine and Kein (1996). "Measurement And Evaluation In Education And Psychology (Edisi 2)." New York: Holt Rinehard And Winston.
- Hassan Mohd Ali (1996). *Mendidik Anak Pintar Cerdas*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors.
- Hassan Mohd Ali, (1999). *Kaedah pembelajaran Bistari*, Kuala Lumpur : Sabna DTP Service Sdn. Bhd.
- Khalid Bin Mohamed Nor (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur : Cahaya Permata (M) Sdn. Bhd.
- Mahmood Nazar Mohamed (1992). Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mok Soon Sang (2000). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI : Kursus Perguruan Lepasan Ijazah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Moles, O.C (1982). *Synthesis of Recent Research on Parent Particular on Children's Education*. Educational Leadership.
- Normishidi Bin Mohamed (2002), *Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Teknologi Elektrik Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Perak*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Projek Sarjana Muda.
- Rashidi dan Abd.Razak.(1996). Pengajian Dalam Bilik Darjah."Kaedah Dan Strategi". Kajang Selangor.Penerbit Masa Enterprise.
- Roslihah Binti Mat Nor (2006). *Kecemerlangan Akademik Pelajar Sekolah Menengah Harian Biasa : Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud Besut, Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Projek Sarjana Muda.
- Salihah Siasis (1999). *Teknik Belajar Berkesan Secara Pendekatan Islam*. Kajang, Purwati Enterprise.
- Syarifah Alwiah Alsagoff (1984), *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur : Keinimen Education Book (Asia) Ltd.
- Wechsler, D. (1975). Intelligence Defined And Underdefined. American Psychologist, 30, 135 – 167.
- Zulkefli Ismail, Sharifah Mazlina Syed Ali dan Mazlan Mohd. Yusof (1995). *Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.